



SIARAN MEDIA

MALAYSIA URBAN FORUM 2022 MENEPATI MATLAMAT PEMBANGUNAN BANDAR DAN KOMUNITI BERDAYA TAHAN MASA HADAPAN

SHAH ALAM, 18 OKTOBER 2022 – YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mewakili YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Majlis Penutupan Malaysia Urban Forum 2022 (MUF2022) bertempat di Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam pada petang ini. Turut hadir ialah Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT, TPr. Ts. Norliza binti Hashim, Ketua Eksekutif URBANICE Malaysia serta Tuan Mohd Rashidi bin Ruslan, Timbalan Majlis Bandaraya Shah Alam.

MUF2022 merupakan platform perbincangan isu-isu tempatan dan penyelesaian kepada isu-isu perbandaran serta perancangan bandar yang mampan. Persidangan ini merupakan anjuran bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi URBANICE Malaysia, sebuah agensi di bawah KPKT dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) selaku bandar tuan rumah.

Bertemakan “**Tindakan Tempatan Kepada Bandar & Komuniti Berdaya Tahan Masa Hadapan** atau ***Local Actions to Future-proof Cities and Communities, MUF 2022*** dilihat sangat bertepatan dan selari dengan cabaran yang dihadapi di bandar-bandar pada masa kini. Menerusi persidangan ini, Bandaraya Shah Alam serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain di negeri Selangor telah terlibat secara langsung bagi membincangkan isu-isu relevan berhubung kemampuan dan tindakan tempatan bandar dalam usaha menjadikan komuniti lebih berdaya tahan menghadapi cabaran di masa hadapan.

YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib berkata, “Cabaran yang dihadapi pada hari ini adalah penting untuk ditadbir dengan cara tadbir urus bandar yang bersifat kolaboratif. Model dan mekanisma pengurusan bandar secara kolaboratif ini perlu diaplikasikan dalam sistem semasa agar transformasi perbandaran yang lebih berdaya huni akan dapat dicapai dengan lebih efektif.”

MUF2022 telah disertai oleh seramai 5000 orang peserta dari dalam dan luar negara. Perbincangan ini juga telah dilakukan secara inklusif di mana pelbagai isu perbandaran semasa dari pelbagai peringkat seperti sekuriti makanan, ekonomi kitaran tempatan, *last-mile connectivity*, teknologi dan inovasi selaras dengan keperluan komuniti, perusahaan sosial, hidup berdaya tahan banjir dan juga reka bentuk bandar yang sihat dan sejahtera.

Persidangan yang berlangsung selama tiga hari ini melibatkan pelbagai **sesi dialog dan perbincangan** serta pembentangan 319 kertas kerja oleh ahli panel daripada pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, PBT, pakar-pakar industri, badan professional, badan bukan kerajaan, wakil-wakil penduduk serta pemegang taruh kumpulan wanita, belia, akar umbi, kanak-kanak serta ahli akademik yang telah menyatakan tindakan masing-masing dalam mendepani cabaran masa hadapan.

Hasil perbincangan dari tiga hari persidangan MUF2022 telah dilaporkan oleh TPr. Ts. Norliza Hashim, Ketua Eksekutif URBANICE Malaysia di dalam sesi *MUF2022 Key Takeaway* di mana beliau telah merumuskan beberapa *actionable outcomes*.

Antara pengisian program di sepanjang MUF2022 adalah Perhimpunan Akar Umbi, Wanita, Belia, dan Kanak-Kanak; Dialog Peringkat Tertinggi; Sesi Khas; Meja Bulat; Makmal Perbandaran; Bengkel Latihan; Pentas Shah Alam; Acara Sampingan; Platform Keusahawanan Sosial; Pameran; '*SDG Trails*' yang melibatkan projek Pembangunan Elmina & Setia Eco Park, Projek Kebun Komuniti Seksyen 8 Shah Alam dan Jalan Tanjung Api-Api Seksyen 30, Garaj Belia MBSA, Zipline Taman Tasik Shah Alam, Taman Persahabatan Selangor – Jepun, '*Musical Fountain*', Laman@3 MBSA dan Pusat Kitar Semula Komuniti di Seksyen U13; serta *SDGs Run* di program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan MBSA.

Forum ini turut melibatkan kerjasama daripada rakan strategik dalam dan luar negara seperti *United Nations Human Settlements Programme* (UN-Habitat), *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UNESCAP), *United Cities and Local Governments Asia-Pacific* (UCLG ASPAC), *United Nations Population Fund* (UNFPA), *United Nations International Children's Emergency Fund* (UNICEF), *World Bank*, Kerajaan Negeri Selangor, PLANMalaysia, Agensi Kerajaan Persekutuan serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Malaysia.

Penganjuran MUF2022 ini merupakan komitmen dan usaha berterusan KPKT dalam memperkukuhkan agenda Malaysia Berdaya Huni atau "*Liveable Malaysia*" bagi menjamin kesejahteraan komuniti serta perancangan bandar yang mampan di Malaysia.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
URBANICE Malaysia
17 Oktober 2022

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Dr. Mohd Rizal Osman, Ketua Pegawai Operasi
T: +6012 786 6508 / E: rizal@urbanicemalaysia.com
Cik Amalia `Izzati Shariffuddin, Eksekutif Komunikasi dan Promosi
T: +6010 – 829 7445 / +6013 – 804 7445 / E: amalia@urbanicemalaysia.com

Scan the QR Code for the press kit

